



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Ahad, 18 Disember 2022**

1	Ternak arnab raih RM6,000
2	Pengeluaran kecilkan operasi punca bekalan telur terjejas

DISEDIAKAN OLEH :  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## Ternak arnab raih RM6,000

**MERSING** – Sepasang suami isteri tidak menyangka enam ekor arnab yang dipelihara sejak tahun 2018 kini telah membiak sehingga lebih 200 ekor, sekali gus membawa rezeki lumayan kepada mereka.

Wan Zainudin Wan Jaafar, 46, berkata, sebelum ini, dia dan isteri, Norafidah Mohd. Zake, 39, pernah mengusahakan ternakan ikan tilapia, itik, kambing, ayam dan puyuh, namun tidak bertahan lama.

“Pada awalnya, isteri tidak mahu saya membela ternakan lagi kerana ikan tilapia yang diusahakan sebelum ini musnah akibat dilanda banjir dan kami rugi belasan ribu ringgit,” katanya Kampung Benaung Teng-

lu di sini kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, dia telah membeli arnab secara senyap-senyap, namun tidak sangka selepas itu arnab yang diternak itu membiak dengan banyak.

“Saya menjual arnab-arnab ini dan dagingnya, selain turut membuat ‘petting zoo’ bagi menjana pendapatan.

“Bagi ‘petting zoo’ biasanya untuk tempoh 10 hari pameran, saya boleh meraih pendapatan kasar sehingga RM6,000.

“Selain itu, kami turut pelbagai dengan membuat produk serunding arnab dan arnab golek, kena kreatif agar arnab kami sentiasa ada permintaan,” ujarnya.



**WAN ZAINUDIN bersama isteri menunjukkan arnab yang diternak di rumah mereka di Kampung Benaung Tenglu, Mersing kelmarin.**

# Pengeluar kecilkan operasi punca bekalan telur terjejas

**Pembukaan semula ekonomi lonjak permintaan sekali gus naikkan harga produk**

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penularan pandemik COVID-19 di negara ini yang memberi kesan kepada sektor penternakan telur ayam menyebabkan pengeluar mengurangkan kos operasi mereka, selain terpaksa mengecilkan pengeluaran.

Adeysham Nor yang juga Se-

tiausaha Akhbar kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, berkata akibat pandemik itu anak ayam penelur yang baru tidak dibeli serta ramai pekerja asing dihantar pulang ke negara asal mereka.

Katanya, apabila negara memasuki fasa pemuliharan COVID-19 dan pelbagai sektor ekonomi mula dibuka, permintaan telur semakin meningkat dan pada masa kini pengeluarannya kurang sedangkan permintaan meningkat.

"Keadaan itu sekali gus menyebabkan harga telur naik mendadak dan rakyat mula merungut.

"Kerajaan terdahulu mengambil keputusan mengemban kawalan harga telur supaya ia tidak naik mendadak. Sebanyak 80 peratus makanan ayam penelur ada-

lah jagung dan ia diimport.

"Sejak setahun lalu, harga jagung dunia naik berlipat kali ganda dan penurunan nilai mata wang kita juga memburukkan lagi keadaan. Situasi ini menyebabkan kos pengeluaran telur naik mendadak dan banyak syarikat kecil ditutup kerana tidak mempunyai aliran tunai yang sihat," katanya di Facebook, semalam.

#### Tanggung kerugian

Beliau berkata, kawalan harga menyebabkan pengeluar telur tidak lagi mendapat keuntungan dan mula menanggung kerugian.

"Pengeluaran telur negara berkurangan daripada 120 peratus kepada 100 peratus.

"Untuk mengurangkan kerugian pengeluar telur, kerajaan terpaksa memberi subsidi RM200 juta sebulan dan (kerajaan) ter-



Bekalan telur terhad di pasaran cetus rungutan pengguna. (Foto hiasan)

paksa menanggung hampir RM2.4 billion subsidi," katanya.

Adeysham berkata, harga makaran ayam terus meningkat sehingga kini dan subsidi yang diberi tidak lagi mencukupi untuk menanggung kerugian pengeluar telur.

"Jadi pengeluar telur terpaksa mengeksport telur ke Singapura dan Hong Kong untuk meningkatkan pendapatan syarikat. Situasi inilah yang menyebabkan bekalan telur dalam negara berkurangan lagi 20 peratus.

"Keuntungan daripada aktiviti eksport ini diguna untuk menampung kerugian yang mereka tanggung kerana menjual telur

dalam negara.

"Ada syarikat telur yang jumlahnya RM20 juta setahun, tetapi untung bersihnya hanya RM20,000. Jika kerajaan menghentikan eksport, maka lebih banyak pengeluar telur akan tutup kedai dan akibatnya bekalan dalam negara akan jadi lebih meruncing," katanya.

Beliau berkata, mengimport telur dari negara luar hanyalah langkah sementara kerajaan.

"Teori nyata mudah apabila pengeluaran telur sudah melebihi permintaan harganya akan turun. Apabila harga stabil kerajaan tidak perlu lagi mengawal harga dan memberikan subsidi," katanya.